KOLEJ KOMUNITI
BANDAR PENAWAR

# MANUAL PENGGUNA

## SISTEM PENCALONAN ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG

UNIT PEPERIKSAAN
KOLEJ KOMUNITI BANDAR PENAWAR

Edisi Pertama

# MANUAL PENGGUNA

# SISTEM PENCALONAN ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG

SURAYAH BINTI AB RAHMAD
NORHALMIZAN BINTI HALIM
ZURAINAH BINTI MOHAMED SAID

KOLEJ KOMUNITI BANDAR PENAWAR

© Kolej Komuniti Bandar Penawar
EDISI PERTAMA 2025

Hak Cipta adalah hak esklusif Penulis eBook ini. Tiada bahagian penerbitan ini boleh dicipta semula atau diedarkan dalam apa jua bentuk dan format tanpa kebenaran bertulis daripada pihak penulis serta penerbitan.

Tiada jaminan bahawa kandungan dan maklumat di dalam eBook ini adalah sesuai untuk semua pada setiap masa kerana kesesuaiannya mungkin berubah dari semasa ke semasa.

SURAYAH BINTI AB RAHMAD
NORHALMIZAN BINTI HALIM
ZURAINAH BINTI MOHAMED SAID

Perpustakaan Negara Malaysia
e ISBN 978-629-95989-0-9

9 786299 598909

Diterbitkan Oleh:
Kolej Komuniti Bandar Penawar
Jalan Ungku Abdul Aziz
81930 Bandar Penawar
Johor Darul Takzim

Hak Cipta Terpelihara @ 2025
Kolej Komuniti Bandar Penawar

# Prakata

بِسْمِ ٱللَّٰهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

**Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.**

**Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, eBook Manual Pengguna Sistem Pencalonan Anugerah Pelajar Cemerlang (SPAPC) telah berjaya diterbitkan. Objektif utama eBook ini dihasilkan adalah sebagai sumber rujukan dan panduan kepada pengguna dalam kalangan kakitangan Kolej Komuniti Bandar Penawar untuk menggunakan SPAPC. SPAPC yang dibangunkan oleh Unit Peperiksaan merupakan satu pemudahcara dalam mengumpulkan dokumen kriteria kecemerlangan pelajar bagi penganugerahan pada Majlis Konvokesyen setelah pelajar berjaya menamatkan pengajian.**

**Memandangkan sistem ini digunakan oleh Pensyarah atau Penasihat Akademik dengan kekerapan penggunaan minimum hanya 3 kali sepanjang pengajian, maka para penulis mengambil inisiatif untuk menerbitkan eBook ini bagi membantu pengguna mengisi maklumat dalam SPAPC dengan lebih mudah, cepat dan lancar merangkumi langkah-langkah mengisi Borang Pencalonan dan Borang Pendaftaran Calon Pelajar. Meskipun eBook ini dihasilkan untuk kegunaan di KKBP, namun penulis juga berharap ianya akan memberi manfaat kepada sesiapa sahaja yang memerlukannya.**

**Akhir kata, ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam penghasilan eBook ini. Tanpa sokongan dan kerjasama semua, sudah pasti eBook ini tidak dapat dihasilkan dalam masa yang telah ditetapkan. Mohon maaf jika terdapat sebarang kekurangan dalam penulisan eBook ini dan para penulis bersedia menerima pandangan untuk menambah baik eBook ini pada masa akan datang.**

**Sekian, terima kasih.**

# Isi Kandungan


01 Latar Belakang Penulis 1-4

02 Mengapa Sistem Pencalonan Anugerah Pelajar Cemerlang diwujudkan? 5-6

03 Paparan Antaramuka SPAPC 7-8

04 Langkah Mengisi Borang Pencalonan 9-25

05 Langkah Pendaftaran Calon 26-30

06 Maklumbalas Pengguna 31-32

# LATAR BELAKANG PENULIS

# Penulis 1



Surayah Binti Ab Rahmad merupakan Pegawai Peperiksaan di Kolej Komuniti Bandar Penawar, Kementerian Pendidikan Tinggi bermula Julai 2022.

Beliau dianugerahkan Sarjana Perakaunan pada tahun 2011 dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada tahun 2007.

Beliau memulakan kerjaya sebagai pensyarah di Institut Sains Dan Teknologi Darul Takzim (INSTEDT) pada tahun 2011 sehingga 2013 sebelum berkhidmat sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi di Kolej Komuniti Bandar Penawar pada tahun 2014 sehingga kini. Beliau juga merupakan pensyarah dalam Program Sijil Pengoperasian Perniagaan di Kolej Komuniti Bandar Penawar.

# Penulis 2



Norhalmizan Binti Halim merupakan Penyelaras Peperiksaan bagi program STM di Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah, Kementerian Pendidikan Tinggi.

Beliau dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 2012. Beliau telah memulakan kerjaya sebagai Project Executive Manager pada tahun 2012 di Syarikat Mysysnet Sdn Bhd sebelum berkhidmat sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi di Kolej Komuniti Bandar Penawar pada November tahun 2012 sehingga 2017 sebagai pensyarah Sijil Aplikasi Perisian Komputer (SAPK).

Kini beliau merupakan pensyarah dalam Program Sijil Teknologi Maklumat (STM) di Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah bermula tahun 2018 sehingga kini.

# Penulis 3



Zurainah Binti Mohamed Said merupakan Penyelaras Peperiksaan bagi program STP yang telah memegang portfolio ini di Kolej Komuniti Bandar Penawar, Kementerian Pendidikan Tinggi bermula April 2022 sehingga Januari 2025.

Beliau dianugerahkan Sarjana Kejuruteraan (Pengurusan Pembinaan) pada tahun 2022 dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam) dengan Kepujian pada tahun 2011 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau juga dianugerahkan Diploma Kejuruteraan Awam serta Pendidikan pada tahun 2003 dari Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO).

Beliau memulakan kerjaya sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) di Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) pada tahun 2003 hingga 2008 dan menyambung pengajian ke peringkat Ijazah pada tahun 2008 hingga 2011. Kemudian, beliau berkhidmat di Kolej Komuniti Bandar Penawar (KKBP) pada tahun 2011 hingga 2018 dan Kolej Komuniti Kota Tinggi (KKKT) pada tahun 2018 hingga 2020. Pada tahun 2020 hingga 2022 beliau telah melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan berkhidmat semula di KKBP pada tahun 2022 hingga kini sebagai pensyarah dalam Program Sijil Teknologi Pembinaan Bangunan (STP).

# MENGAPA SISTEM PENCALONAN ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG DIWUJUDKAN?

# Mengapa Sistem Pencalonan Anugerah Pelajar Cemerlang Diwujudkan?

Sistem Pencalonan Anugerah Pelajar Cemerlang (SPAPC) ini merupakan satu projek inovasi yang dihasilkan bagi memudahkan proses pencalonan dan pengurusan penganugerahan kecemerlangan pelajar pada setiap semester dibawah kendalian Unit Peperiksaan, Kolej Komuniti Bandar Penawar.

Penganugerahan ini merupakan satu inisiatif Unit Peperiksaan bagi meningkatkan motivasi dan komitmen pelajar untuk mengekalkan pencapaian cemerlang dalam bidang akademik mahupun ko-kurikulum bermula dari semester pertama sehingga mereka menamatkan pengajian di Kolej Komuniti Bandar Penawar.

Projek ini juga merupakan usaha Unit Peperiksaan untuk memastikan semua bukti pencapaian cemerlang pelajar dapat dikumpul dan disimpan dengan baik secara sistematik sejajar dengan kriteria yang ditetapkan bagi memenuhi keperluan pencalonan Anugerah Ketua Pengarah pada Majlis Konvokesyen setiap tahun.

# PAPARAN ANTARAMUKA SPAPC

# Paparan Antaramuka SPAPC






Tutorial Pengisian Borang Pencalonan

# LANGKAH MENGISI BORANG PENCALONAN

SCAN HERE

# Langkah Mengisi Borang Pencalonan

1. Buka Sistem Pencalonan Anugerah Pelajar Cemerlang di pautan **https://e-pencalonan.my.canva.site/** dan klik pada tab **Borang Pencalonan**.




2. Paparan seperti di bawah akan kelihatan dan sila log masuk ke akaun gmail masing-masing.



3. Log masuk ke akaun gmail masing-masing seperti biasa.




4. Pergi ke tab "File" dan pilih "Make a copy" untuk membuat salinan borang pencalonan.



5. Paparan seperti di bawah akan kelihatan. Namakan semula dokumen borang pencalonan tersebut.




6. Pergi kepada pilihan 'Folder ePENCALONAN APC PELAJAR KKBP' dan klik pada simbol anak panah 'back'.



7. Pergi ke pilihan 'My Drive'.




8. Klik pada icon 'New Folder'.



9. Namakan semula *folder* dan klik pada icon "Create Folder".




10. Klik pada butang 'Select'.



11. Klik pada butang 'Make a copy'.




12. Paparan seperti di bawah akan kelihatan. Sila pilih sesi pengajian calon.



13. Masukkan maklumat pelajar seperti Nama, No. Kad Pengenalan dan No. Pendaftaran pelajar. Kemudian pilih Program dan Semester pelajar menggunakan pilihan *dropdown button*.




14. Seterusnya, masukkan markah penilaian yang bersesuaian bagi setiap kriteria **Penampilan Diri Calon Yang Dinilai** di bahagian A menggunakan pilihan *dropdown button* yang disediakan. Jumlah markah akan dikemaskini secara automatik.



15. Seterusnya ke kriteria **Pencapaian Akademik** di Bahagian B dengan memasukkan maklumat HPNM pelajar dan jumlah markah akan dikemaskini secara automatik. Semakan dan salinan keputusan pencapaian akademik boleh diperolehi dari pautan yang disediakan.




16. Bagi melengkapkan bahagian lampiran dokumen sokongan pembuktian, pengguna perlu Log masuk ke *Google Drive* masing-masing yang menyimpan salinan dokumen sokongan tersebut. 'Right Klik' pada dokumen sokongan tersebut dan salin pautan atau 'Copy link' dokumen sokongan tersebut.



17. Salin semula pautan tersebut di ruangan lampiran pembuktian dokumen yang disediakan menggunakan *shortcut* 'CTRL+V'. Warna bahagian tersebut akan bertukar daripada warna 'red' kepada 'light blue' sekiranya maklumat pautan telah dilengkapkan.



18. Seterusnya bagi Kriteria **Jawatan Yang Disandang Dalam Jawatankuasa Perwakilan Pelajar** di bahagian C, pilih Jawatan Disandang daripada senarai pilihan yang disediakan dan markah penilaian akan diisi secara automatik.




19. Ulang seperti langkah 16 & 17 untuk mengisi ruangan lampiran pembuktian dokumen sokongan bagi bahagian C.

20. Seterusnya bagi kriteria **Jawatan Dalam Ko-kurikulum** pada bahagian D, pilih Jawatan Disandang daripada senarai pilihan yang disediakan dan markah penilaian akan diisi secara automatik.




21. Ulang seperti langkah 16 & 17 untuk mengisi ruangan lampiran pembuktian dokumen sokongan bagi bahagian D.

22. Seterusnya bagi kriteria **Penglibatan atau Penyertaan Program Di Peringkat Kolej** di Bahagian E, pilih Jawatan Disandang daripada senarai pilihan yang disediakan dan markah penilaian akan diisi secara automatik.




23. Ulang seperti langkah 16 & 17 untuk mengisi ruangan lampiran pembuktian dokumen sokongan bagi bahagian E.

.

24. Seterusnya bagi kriteria **Butiran Sumbangan Di Luar Kolej Komuniti** pada bahagian F, pilih peringkat penglibatan daripada senarai pilihan Tahap Penyertaan yang disediakan dan markah penilaian akan diisi secara automatik.




25. Ulang seperti langkah 16 & 17 untuk mengisi ruangan lampiran pembuktian dokumen sokongan bagi bahagian F.

26. Seterusnya bagi kriteria **Penyertaan atau Pencapaian Pertandingan Bukan Sukan** di bahagian G, pilih peringkat penglibatan daripada senarai pilihan Tahap Penyertaan, Tahap Pencapaian dan Pencapaian yang disediakan. Markah penilaian akan diisi secara automatik.







27. Ulang seperti langkah 16 & 17 untuk mengisi ruangan lampiran pembuktian dokumen sokongan bagi bahagian G.

28. Seterusnya bagi kriteria **Penyertaan atau Pencapaian Pertandingan / Kejohanan Sukan** di bahagian H, **pilih peringkat penglibatan daripada senarai pilihan Tahap Penyertaan, Tahap Pencapaian dan Pencapaian yang** disediakan. Markah penilaian akan diisi secara automatik.







29. Ulang seperti langkah 16 & 17 untuk mengisi ruangan lampiran pembuktian dokumen sokongan bagi bahagian H.

30. Isikan maklumat pegawai peyedia, penyemak dan pengesah dengan memilih nama-nama pegawai daripada senarai pilihan di *dropdown button* yang disediakan.




31. Pengguna boleh klik butang 'Rumusan' untuk melihat **Rumusan Markah Penilaian Calon**.



Tutorial Pendaftaran Calon

# LANGKAH PENDAFTARAN CALON

SCAN HERE

# Langkah Pendaftaran Calon

1. Buka Sistem Pencalonan Anugerah Pelajar Cemerlang di pautan **https://e-pencalonan.my.canva.site/** dan klik pada tab **Daftar Calon**.




Klik di sini.

2. *Google Form* bagi pendaftaran calon akan dipaparkan. 'Tick' pada keperluan alamat emel dan sesi pengajian calon.




Klik 'Next' setelah semua maklumat diisi.

3. Paparan Maklumat Calon akan kelihatan. Lengkapkan maklumat calon seperti Nama Pelajar, No. Kad Pengenalan, No. Pendaftaran dan Program pelajar.


PENDAFTARAN CALON ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG KKBP & KKBPCGP

Borang Pendaftaran Calon Anugerah Pelajar Cemerlang KKBP & KKBPCGP

surayah.rahmad@kkbpenawar.edu.my Switch account

Draft saved

Your email will be recorded when you submit this form

* Indicates required question

MAKLUMAT CALON

Sila masukkan maklumat calon pelajar yang diperlukan seperti di bawah:

NAMA PELAJAR *

SIN JIA LEE

NO. KAD PENGENALAN *
** FORMAT (XXXXXX-XX-XXXX)

000000-01-0000

NO. PENDAFTARAN *

J03SPP22F002

PROGRAM *

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN (SPP)

LINK BORANG MARKAH PENILAIAN CALON (GOOGLE SPREADSHEET) YANG LENGKAP *
Sila copy dan paste link URL lokasi google spreadsheet calon yang lengkap di sini.

Your answer

This is a required question

A copy of your responses will be emailed to surayah.rahmad@kkbpenawar.edu.my.

Back Submit Clear form

Never submit passwords through Google Forms.

Google Forms

4. Pergi semula ke *My Drive* pengguna masing-masing untuk menyalin pautan Borang Pencalonan yang telah dilengkapkan.



5. Salin semula pautan tersebut di bahagian link borang penilaian calon menggunakan shortcut 'CTRL+V' atau 'right klik' dan 'paste'. Klik 'submit' untuk menghantar pencalonan setelah selesai.



# MAKLUMBALAS PENGGUNA

# Maklumbalas Pengguna SPAPC

Kami amat menghargai sebarang maklumbalas bagi tujuan penambahbaikan sistem ini. Semua maklumbalas pengguna adalah rahsia dan kerjasama semua kami dahului dengan ribuan terima kasih.

**SILA SCAN QR CODE MAKLUMBALAS INI**

Pautan Link Maklumbalas Pengguna

# Catatan

# Catatan

Hak Cipta Terpelihara @ 2025
Kolej Komuniti Bandar Penawar

9 786299 598909